



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 21 April 2026

Untuk Terbitan Media
21 April 2026

SIARAN MEDIA

KARNIVAL KERJAYA PREMIUM PERKESO TAWAR 10,000 PELUANG KERJA, TANGANI KETIDAKTENTUAN GLOBAL

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memperkukuh ketahanan pasaran buruh dengan melaksanakan intervensi awal, susulan kebimbangan kesan ketegangan geopolitik di Asia Barat.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata meskipun tiada pembuktian secara langsung, namun laporan berita yang mendedahkan lebih 5,000 rakyat Malaysia hilang pekerjaan pada bulan lalu tidak wajar dipandang enteng.

Sehubungan itu, Ramanan menegaskan bahawa kestabilan sosioekonomi rakyat perlu terus diperkukuh menerusi penawaran peluang pekerjaan premium atau berkualiti tinggi, selain merancang aspek mobiliti tenaga kerja.

“Berdasarkan statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), terdapat peningkatan jumlah permohonan faedah kehilangan pekerjaan khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur.

“Peningkatan 18.3 peratus menyaksikan sebanyak 14,194 permohonan faedah kehilangan pekerjaan dicatatkan pada suku pertama tahun ini, berbanding 11,994 permohonan bagi faedah sama pada suku keempat 2025.

“Justeru, melihat kepada trend tersebut, intervensi awal digerakkan bagi menampun sebarang kemungkinan ekorani situasi semasa di Asia Barat yang akhirnya boleh menjejaskan rakyat Malaysia,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

KESUMA menerusi PERKESO bakal menganjurkan Karnival Kerjaya Premium MYFutureJobs 2026 selama dua hari mulai Sabtu ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), dengan menyasarkan lebih 10,000 pencari kerja.

Menerusi penyertaan 100 majikan ternama, sebanyak 10,000 peluang pekerjaan dengan kadar gaji kompetitif antara RM3,000 sehingga RM15,000 bakal ditawarkan kepada pengunjung.

Karnival Kerjaya kali ini antara lain menampilkan penyertaan syarikat berkaitan kerajaan (*Government-Linked Companies dan Government-Linked Investment Companies*) seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Amanah Raya, Permodalan Nasional Berhad, Agrobank, Tenaga Nasional Berhad, Pengurusan Aset Air Berhad dan Pos Logistics Berhad.

Selain itu, barisan majikan ternama merangkumi VADS Business Process Sdn. Bhd., MIMOS Berhad, TH Properties Sdn. Bhd., KLCC Property Holdings Berhad, SD Guthrie Berhad, KPJ Healthcare Berhad,

Boustead Properties Berhad, Alam Flora Sdn. Bhd, Edaran Otomobil Nasional Berhad dan DRB-HICOM Berhad.

Penyertaan juga akan melibatkan lima bank utama negara iaitu Maybank, CIMB, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Penganjuran karnival di KLCC ini merupakan pembuka tirai kepada siri program nasional yang lebih luas, termasuk Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei 2026 dan Karnival LINDUNG Kerjaya di Kota Kinabalu, Sabah pada 9 Mei nanti.

Mengulas lanjut, Ramanan berkata, data PERKESO menunjukkan sektor paling terkesan ketika ini ialah pengangkutan dan logistik yang sebahagian besarnya disebabkan pengecilan tenaga kerja dan pelaksanaan Skim Pemisahan Sukarela (VSS).

“Jika dilihat keadaan sekarang, konflik Asia Barat memberi kesan kepada rantai bekalan terutama diesel yang secara tidak langsung meningkatkan kos operasi industri.

“Saya khuatir dalam usaha mengurangkan kos, majikan tamatkan perkhidmatan pekerja pula. Jadi, intervensi segera dilaksanakan kerajaan melalui agenda reformasi pasaran buruh yang lebih dinamik bagi mendepani cabaran ketidaktentuan pasaran.

“Selain memfokuskan kepada sektor berimpak tinggi seperti penjagaan kesihatan, teknologi maklumat, dan kewangan, penganjuran karnival kerjaya premium kali ini memberi penekanan khusus kepada transformasi struktur kerja,” ujarnya.

Dalam pada itu, Ramanan menegaskan KESUMA menerusi PERKESO komited mempromosikan Aturan Kerja Fleksibel (AKF) dan menyediakan akses peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi memastikan tiada kumpulan sasar yang terpinggir.

Katanya, usaha berkenaan dijangka mampu mengurangkan isu ketidakpadanan pekerjaan serta meneygerakan penempatan semula pekerja yang terjejas ke dalam sektor produktif yang lebih stabil.

“Justeru, usah berlengah dan daftar untuk menyertai Karnival Kerjaya melalui pautan <https://myfuturejobs.gov.my/careerfair/>,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

21 April 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikliil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my